

**Presiden Turkmenistan Akhiri Lawatan Ke Malaysia**  
**Bernama**  
**08 Disember, 2011**

SEPANG, 8 Dis (Bernama) -- Presiden Turkmenistan, Gurbanguly Berdimuhamedov berlepas pulang pada Khamis, selepas menamatkan lawatan negara selama tiga hari ke Malaysia.

Pesawat membawa beliau dan anggota rombongan berlepas kira-kira pukul 2.55 petang dari Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini.

Hadir bagi mengucapkan selamat jalan ialah Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Lawatan itu merupakan julung kali oleh Berdimuhamedov sejak menjadi Presiden pada 14 Feb 2007.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=632762>